



10 NOV, 2021

Pelan hala tuju teknologi, ekonomi hidrogen dirangka



Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Pelan hala tuju teknologi, ekonomi hidrogen dirangka

Kuala Lumpur: Satu pelan tindakan hala tuju teknologi dan ekonomi hidrogen sedang dirangka ke arah menjadikan Malaysia sebagai antara pemain utama industri hidrogen sama ada di rantau Asia Tenggara maupun dunia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata kementerian melalui Pusat Nanoteknologi Kebangsaan melantik syarikat NanoMalaysia Berhad sebagai rakan strategik bagi merangka pelan berkenaan.

"Penyediaan ini dijalankan secara kolaborasi dengan Akademi Sains Malaysia, NanoVerify Sdn Bhd dan Malaysian Green Technology.

"Pelan ini akan jadi panduan bagi membangunkan teknologi dan ekonomi hidrogen hingga 2050," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Hasan Arifin (UMNO-Rompin) mengenai jumlah eksport tenaga hidrogen ke luar negara bagi 2020 hingga Jun 2021

dan langkah diambil kerajaan bagi memperkuuh dan mengkomersialkan industri berkenaan di dalam negara.

Mengulas lanjut, Dr Adham berkata, ekonomi hidrogen adalah sektor tenaga alternatif yang akan diberi tumpuan dalam komitmen kerajaan menjadikan Malaysia sebagai negara neutral karbon seawal 2050.

Mengenai nilai eksport tenaga boleh diperbaharui berkenaan, beliau berkata, pada masa ini ia masih kecil, namun mem-

punyai prospek positif dari segi pertumbuhan ekonomi jika pelaksanaan inisiatif hijau dapat diperluas dengan cepat.

"Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, eksport hidrogen menyumbang 1.5 peratus berbanding eksport lain-lain gas yang dianggar sekitar RM1.2 bilion.

"Di Malaysia, Petronas dan Sarawak Energy Berhad menerajui pengeksportan sumber berkenaan," katanya.

BERNAMA

“Penyediaan ini dijalankan secara kolaborasi dengan Akademi Sains Malaysia, NanoVerify Sdn Bhd dan Malaysian Green Technology. Pelan ini akan jadi panduan bagi membangunkan teknologi dan ekonomi hidrogen hingga 2050”



Dr Adham Baba,
Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



10 NOV, 2021

Pelan hala tuju teknologi, ekonomi hidrogen dirangka

Berita Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Kuala Lumpur: Satu pelan tindakan hala tuju teknologi dan ekonomi hidrogen sedang dirangka ke arah menjadikan Malaysia sebagai antara pemain utama industri hidrogen sama ada di rantau Asia Tenggara mahupun dunia. Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata kementerian melalui Pusat Nanoteknologi Kebangsaan melantik syarikat NanoMalaysia Berhad sebagai rakan strategik bagi merangka pelan berkenaan. "Penyediaan ini dijalankan secara kolaborasi dengan Akademi Sains Malaysia, NanoVerify Sdn Bhd dan Malaysian Green Technology.